

20 francais tempatan dan antarabangsa sertai NFX Sabah

2019-11-24,T02:00:01+08:00

Oleh Amir Anuar



SIMBOLIK: Alauddin menyempurnakan upacara simbolik pelancaran Ekspo Francais Nasional (NFX) Sabah.

KOTA KINABALU: Sebanyak 20 jenama francais tempatan dan antarabangsa mengambil bahagian dalam Ekspo Francais Nasional (NFX) Sabah di sini dari Jumaat hingga Ahad.

Program terbabit dianjurkan bersama oleh Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Antara jenama francais yang mengambil bahagian, Tealive, Coolblog, Marrybrown, The Manhattan Fish Market, NY Steak Shack, Muzart, Sugarbun, Pezzo Pizza dan lain-lain.

Turut menyertai ekspo kali ini adalah institusi sokongan seperti Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIpo), Productivity Nexus, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan AEON Credit.

NFX kali ini dirasmikan Menteri KPDNHEP Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPDNHEP Dr Alauddin Sidal.

Turut hadir, Pengerusi MFA Datuk Dr Radzali Hassan dan Pengarah Bahagian Pembangunan Francais (BPF) KPDNHEP Shamshuzaman Sulaiman.

Menurut kenyataan media MFA, ekspo itu juga diadakan untuk mempromosikan program utama iaitu Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2020 (FIM2020).

Program itu akan dianjurkan bersama KPDNHEP dan MFA selama tiga hari yang dijadual berlangsung pada 9 hingga 11 April 2020 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan berkaitan, Saifuddin menerusi ucapannya mendedahkan NFX sebagai inisiatif mendekatkan masyarakat dengan perniagaan dan keusahawanan francais.



TERTARIK: Alauddin, Radzali dan tetamu kehormat lain tertarik dengan produk madu kelulut tempatan.

Pada masa sama, meneruskan hasrat Perdana Menteri untuk melihat francais di Malaysia bergerak maju seiring dengan negara-negara Eropah dan perkembangan semasa.

"Kita sangat konsisten menyediakan ekosistem yang baik untuk memastikan industri francais dapat berkembang baik di Malaysia bersama kementerian dan MFA," katanya.

Untuk rekod, siri NFX di Kota Kinabalu adalah yang ketiga dianjurkan selepas kali pertama di Johor Bahru pada Mac lepas, sebelum di Pulau Pinang (Ogos lepas).

<https://www.utusanborneo.com.my/2019/11/24/20-francais-tempatan-dan-antarabangsa-sertai-nfx-sabah>

